



AmBank

Family 1st

TERMA DAN SYARAT PENYELESAIAN FAMILY FIRST

AmBank (M) Berhad (No Syarikat. 8515-D) sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia bawah Akta Syarikat, 1965 dengan alamat pendaftaran di tingkat 22, Bangunan Kumpulan AmBank, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur ("Bank") berhasrat untuk melanjutkan perkhidmatan-perkhidmatan perbankan serta/atau kemudahan-kemudahan kepada seseorang pelanggan yang layak (seperti yang tertakluk) serta berdaftar dengan Penyelesaian Family First dan memenuhi peraturan-peraturan yang tertakluk di sini.

1 Definisi Dan Pembinaan

- 1.1 Dalam peraturan-peraturan serta jadual dan rujukan di sini (jika ada), perkataan dan huraian berikut mempunyai makna-makna yang ditaklukkan untuknya kecuali di mana-mana konteks yang diperlukan:-
- | | |
|--|---|
| "Bank" | bermaksud AmBank (M) Berhad dan Amlslamic Bank Berhad bersama dengan mana-mana syarikat yang berkait dengannya, seperti yang tertakluk di bawah. |
| "EA" | bermaksud Akaun Harian Family First iaitu sebuah akaun semasa yang dibuka serta dikemaskini bawah Penyelesaian Family First dengan Bank bawah syarat-syarat yang mentadbir EA. |
| "Akaun Family First" | bermaksud rujukan kolektif EA, SSA serta mana-mana akaun lain yang berkaitan yang mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa di atas budi bicara Penyelesaian Family First. |
| "Kad Family First" | bermaksud kad elektronik PMPC yang diberikan oleh Bank kepada Ahli diikat oleh peraturan-peraturan yang terperinci di bawah undang-undang yang mentadbir PMPC berkenaan. |
| "Penyelesaian Family First" | bermaksud produk, perkhidmatan dan/atau kemudahan perbankan yang ditawarkan kepada Ahli bawah keahlian yang tertakluk kepada terma yang ditetapkan atau bawah terma lain yang berkaitan, termasuk perkhidmatan perbankan yang berkenaan dan mana-mana perkhidmatan lain Bank yang ditawarkan dari masa ke semasa kepada Ahli tertakluk kepada terma serta syarat berkenaan yang ditentukan oleh dan atas budi bicara Bank. |
| "Ahli" | bermaksud pelanggan Bank di mana permohonan Akaun Family First telah diluluskan oleh Bank. |
| "PMPC" | bermaksud sebuah kad elektronik yang diberi serta diuruskan oleh Bank dan mengandungi kombinasi kegunaan berikut (i) untuk operasi Akaun Family First di mesin teller automatik ("ATM") Bank dan/atau ATM lain yang tersebut yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa dan (ii) suatu identiti ahli-ahli demi menikmati kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh Bank dan kegunaan lain yang tersebut yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa seperti dianggap selaras. |
| "Penyata Akaun Gabungan jangka Suku Tahun" | bermaksud penyata-penyata akaun yang diberikan oleh Bank kepada Ahli berhubung Akaun Family First. |
| "Syarikat-Syarikat Yang Berkenaan" | bermaksud syarikat-syarikat yang berhubung dengan Bank di bawah Seksyen 6 Akta Syarikat-Syarikat, 1965. |
| "SSA" | bermaksud Akaun-akaun Simpanan Khas yang dibuka dan dikekalkan bawah Penyelesaian Family First dengan Bank tertakluk kepada terma dan syarat yang mentadbir SSA. |
- 1.2 Perkataan yang bermaksud seseorang merangkumi mereka yang bergabung dan digabung. Perkataan yang menandakan seorang juga merangkumi lebih dari seorang dan sebaliknya. Perkataan yang bererti sesuatu jantina termasuk juga wanita dan di antara dua jantina.
- 1.3 Sesuatu tajuk di antara tajuk utama dan tajuk klausa adalah untuk memudahkan dan tidak termasuk di dalam erti syarat dan terma.
- 1.4 Kesemua appendiks dan atau jadual di dalam perjanjian ini seharusnya diambil kira, dibaca and diertikan sebagai sebahagian penting di dalam syarat dan terma ini.
- 1.5 Segala hubungan kepada terma, undang-undang bertulis, undang-undang dan statut mestilah merangkumi segala pertukaran dan perubahan selanjutnya.
- 1.6 Sebarang peruntukan, kebebasan, kuasa atau budibicara yang akan dijalankan atau ditentukan oleh Bank di bawah ini boleh dilaksanakan atau dibuat dalam budibicara mutlak dan penuh Bank pada bila-bila masa dan dari masa kesemasa dan Bank tidak perlu sama sekali mempunyai tanggungjawab untuk memberi sebarang alasan terhadap perkara yang sama.
- 1.7 Sekiranya terdapat dua (2) atau lebih orang terkandung dalam huraian "Ahli" atau "pemegang akaun" terma berikut akan dikenakan:

- (i) Semua terma dan syarat terhurai yang diikat atau dibuat oleh mana-mana Ahli atau pemegang-pemegang akaun akan dianggap dibuat oleh dan diikat atas orang tersebut secara bergabung dan bersiri;
- (ii) Sebarang notis atau komunikasi oleh Bank dengan Ahli utama akan dianggap sebagai notis atau komunikasi yang mencukupi kepada semua pemegang akaun; dan
- (iii) Salah seorang daripada ahli pemegang-pemegang Akaun Family First mungkin memberi arahan atau notis berkaitan dengan operasi Akaun Family First, termasuk penutupan Akaun Family First dan Bank akan berhak untuk bertindak atas dan bergantung pada notis berkenaan atau arahan-arahan tanpa sebarang pertanyaan tertakluk pada prosedur dalaman Bank serta garis panduan berkenaan dengan arahan-arahan atau notis-notis tersebut yang berkaitan.

2 Keistimewaan Penyelesaian Family First

- 2.1 Dengan sentiasa tertakluk atas budi bicara tunggal dan muktamad Bank, keistimewaan Penyelesaian Family First termasuk:
- (i) Satu (1) akaun semasa (EA) termasuk buku cek; dan
 - (ii) Sejumlah sepuluh (10) SSA dengan nama berperibadi untuk setiap akaun;
 - (iii) Satu Kad Family First dengan fungsi ATM dan keistimewaan ahli;
 - (iv) Alatan bajet dan simpanan internet, iaitu termasuk perancang bajet, sasaran simpanan dan simpanan jangkamasa;
 - (v) Keistimewaan kewangan dan bukan kewangan yang tersedia oleh Bank serta syarikat-syarikat yang berkenaan dengannya untuk Ahli-Ahli;
 - (vi) Penyata gabungan jangka suku tahun EA dan SSA atau seperti yang mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa seperti dianggap selaras;
 - (vii) Life Guides: sebuah panduan informasi keperluan berpandukan peringkat-peringkat hidup; dan
 - (viii) Keistimewaan-keistimewaan ditawarkan oleh rakan-rakan perniagaan luaran atau pedagang dan keistimewaan-keistimewaan serta perkhidmatan-perkhidmatan lain tersebut yang mungkin ditawarkan oleh Bank kepada Ahli dari masa ke semasa.
- 2.2 Bank berhak untuk mengubah, menggantung, menolak atau menamat sebarang atau semua keistimewaan Penyelesaian Family First bawah keahlian tanpa perlu memberi sebarang sebab untuknya.
- 2.3 Ahli adalah diikat dengan produk perbankan yang berkenaan, perkhidmatan-perkhidmatan, pelaburan-pelaburan dan kemudahan-kemudahan serta terma dan syarat-syarat tambahan ke atas terma dan syarat-syarat di sini.

3 Keahlian Penyelesaian Family First

- 3.1 Pelanggan yang layak boleh memohon dan membuka EA di mana EA adalah berhubung dengan maksima sepuluh (10) SSA.
- 3.2 Sekiranya dua (2) atau lebih pelanggan-pelanggan berlayak memohon untuk keahlian gabungan, mereka diperlukan untuk memohon Akaun Family First jenis gabungan di mana salah seorang daripadanya menjadi pemegang akaun utama dan pemegang-pemegang lain sebagai pemegang akaun tambahan Akaun Family First jenis gabungan. Maksima pemegang-pemegang akaun gabungan tidak dibenarkan melebihi tiga (3) orang setiap akaun.
- 3.3 Selepas penerimaan mana-mana keahlian oleh Bank, Ahli akan menerima penentuan dari Bank atas keahlian Penyelesaian Family First dan pembukaan EA.
- 3.4 Bank berhak dengan budi bicara tersendiri mengenakan yuran keahlian pada sebarang kadar seperti yang mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa dan Ahli-Ahli akan diberi notis berkaitan dengan sebarang pelaksanaan yuran tersebut seperti dianggap selaras oleh Bank.
- 3.5 Ahli-Ahli akan juga mendapat bantuan pekerja Bank untuk perbankan peribadi dan nasihat kewangan Penyelesaian Family First dan kemudahan-kemudahan lain yang berkenaan dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan tertawar atau tersedia oleh Bank di mana-mana cawangan Bank di seluruh negara.
- 3.6 Nasihat yang diberi oleh kakitangan Bank hanya sebagai panduan dan mungkin tidak sesuai untuk ahli. Ahli-ahli adalah dialu-alukan supaya menghubungi penasihat kewangan berdikari sebelum membuat sebarang keputusan.
- 3.7 Keahlian akan ditamatkan atas penerimaan notis kematian atau ketidakupayaan Ahli Utama oleh Bank dan hak yang hidup akan diamalkan. Bank akan berlayak untuk membayar sebarang baki-baki kredit dalam Akaun Family First kepada yang masih hidup dan sekiranya terdapat lebih daripada seorang pemegang akaun yang masih hidup, bawah nama-nama gabungan mereka dengan syarat sebelum membuat bayaran tersebut Bank akan berlayak untuk menyelesaikan hutang-piutang mana-mana Ahli gabungan bawah mana-mana akaun dengan Bank dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam Syarikat-Syarikat Yang Berkenaan dari pembayaran. Untuk pengelakan dari kekeliruan, kematian atau ketidakupayaan mana-mana ahli lain tidak membawa penamatan Keahlian, Akaun Family First atau Kad Family First yang dipegang oleh Ahli-Ahli gabungan lain.
- 3.8 Sekiranya EA ditutup, Keahlian akan ditamatkan secara automatik.

4 Akaun Family First

4.1 Akaun Harian (EA)

4.1.1 Kelayakan

- (i) Akaun Harian ("EA") yang sedia ada dibawah Penyelesaian Family First oleh Bank adalah khas untuk individu atau perseorangan termasuk kakitangan Bank dan syarikat berkaitan termaktub kepada terma dan syarat tercatat disini dan syarat-syarat lain berkaitan, keadaan dan/atau prosedur dalaman Bank.

- (ii) Semua ahli dikehendaki membuka EA dengan bank disertai dengan maksimum sepuluh (10) SSA.
- (iii) Setiap ahli dibenarkan membuka satu (1) konvensional EA.

4.1.2 Pembukaan Akaun

- (i) Tiada rujukan diperlukan.
- (ii) EA hendaklah di buka dengan jumlah deposit minimum seperti yang dinyatakan oleh Bank dan mempunyai jumlah yang tidak kurang dari jumlah minimum yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- (iii) Pembukaan, penggunaan dan penyambungan EA adalah dibawah budi bicara pihak Bank.
- (iv) Pemegang akaun persendirian dan akaun bersama dibenarkan sebagai penandatanganan yang sah dengan syarat maksimum tiga (3) nama bersama dengan hanya satu tandatangan oleh mana-mana pemegang akaun.
- (v) Pemegang akaun mesti memastikan operasi Akaun Harian atau mana-mana akaun berkaitan dengan pemegang akaun adalah aktif dan memuaskan dan terma dan syarat kesemua akaun diawasi setiap masa.

4.1.3 Penutupan Dan/Atau Penggantungan Akaun Family First

- (i) Bank boleh pada bila-bila masa, tanpa notis kepada pemegang akaun menutup dan/atau menggantung akaun pemegang akaun tanpa perlu memberi sebarang sebab. Bank akan dengan serta-merta dibebaskan daripada sebarang obligasi and berhak menolak bayaran mana-mana cek keatas akaun yang dikemukakan. Pemegang akaun bersetuju untuk bertanggungjawab bagi apa-apa dan semua akibat yang timbul daripadanya dan akan menanggung penuh apa-apa kos, perbelanjaan, kerugian, tuntutan, ganti rugi atau liabiliti Bank yang mungkin atau telah dialami oleh bank akibat penutupan dan/atau penangguhan akaun tersebut.
- (ii) Sebaik saja menerima dokumen-dokumen berikut:
 - (a) Notis muflis terhadap pemegang akaun; dan/atau
 - (b) Perintah Garnisi ke atas akaun Pelanggan; dan/atau
 - (c) Perintah melarang pelanggan membuat sebarang pengeluaran dari akaun pelanggan;Bank boleh pada bila-bila masa tanpa sebarang notis kepada Pelanggan membeku dan/atau menggantung akaun Pelanggan. Bank berhak dan tanpa perlu sebarang notis kepada Pelanggan, tidak membuat sebarang pembayaran atas mana-mana cek yang dikeluarkan oleh Pelanggan untuk penjelasan. Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan dan kemungkinan yang berlaku akibat darinya.
- (iii) Sekiranya Akaun Harian dan/atau akaun berkaitan ditutup, pemegang akaun bersetuju akan mengembalikan semua cek yang belum diguna. Bank berhak mengenakan caj atau sebarang bayaran yang dibayar atas nama AmBank dan tanpa sebarang sebab sebaliknya, Bank boleh atas budi bicaranya;
 - (a) mengirimi cek kepada Pemegang Akaun untuk baki kredit yang masih ada dalam akaun ke alamat terakhir Pemegang Akaun yang diketahui; atau
 - (b) membenarkan Pemegang Akaun mengambil baki daripada AmBank semasa waktu perniagaan AmBank; atau
 - (c) memindah sebarang baki dalam akaun harian ke akaun wang tak dituntut AmBank.
- (iv) Semua SSA yang bergabung dengan EA akan ditutup secara automatik jika EA ditutup.

4.1.4 Saluran Alternatif

- (i) Pemegang akaun boleh menggunakan saluran aplikasi perbankan atau cara system perbankan yang lain (dirujuk sebagai saluran alternatif) apabila menguruskan EA seperti mana yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa, tertakluk kepada terma dan syarat berkaitan saluran alternatif berkenaan.

4.1.5 Cek

- (i) Pemegang akaun adalah dianggap telah membaca dan memahami semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam buku cek.
- (ii) Cek hanya boleh dikeluarkan dalam Ringgit Malaysia.
- (iii) Tiada sebarang pindaan boleh dibuat pada cek. Bank mempunyai hak untuk tidak melayan dan memulangkan cek yang pada pendapat mutlak Bank terdapat sebarang bentuk pindaan dan/atau percanggahan.
- (iv) Cek yang dibayar kepada pihak ketiga mesti disahkan dan cek tersebut hanya boleh diterima untuk deposit atas budi bicara Bank. Pemegang Akaun bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kos, tuntutan, belanja atau ganti rugi yang mungkin timbul akibat pengesahan yang dibuat oleh Bank di atas semua cek, bil, draf dan lain-lain dokumen yang telah disahkan oleh Pemegang Akaun dan dibayar ke dalam EA.
- (v) Untuk cek yang dikirim melalui pos, perkataan "ATAU PEMBAWA" pada cek mesti dipalng dan butiran akaun yang akan dikreditkan mesti di tulis di belakang cek.
- (vi) Untuk memberhentikan bayaran cek, arahan yang lengkap dan jelas mesti diberi kepada Bank secara bertulis. Arahan mesti memadani dengan (i) nombor cek (ii) tarikh (iii) nama penerima dan (iv) amaun. Arahan henti bayar yang diterima melalui saluran alternatif yang ditawarkan oleh Bank adalah tertakluk kepada terma dan syarat saluran alternatif berkenaan. Sebaik penerimaannya, Pemegang Akaun perlu melengkapkan lain-lain dokumen seperti yang dikehendaki oleh Bank. Pemegang Akaun dengan ini bersetuju:-
 - (a) untuk melindungi Bank daripada sebarang jenis kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat membuat bayaran atau tiada bayaran kepada cek;
 - (b) bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan kerana gagal melaksanakan arahan Pelanggan atas sebarang sebab;

- (c) Untuk memaklumkan kepada Bank secara bertulis dengan kadar segera jika cek yang dilapurkan hilang ditemui semula atau telah musnah atau apabila membatalkan arahan;
- (d) bahawa arahan dibatalkan secara automatik enam bulan selepas tarikh cek atau tarikh arahan, yang mana terdahulu.
- (e) Bank akan memberi salinan cek dan dokumen atas permintaan Pemegang Akaun dalam tempoh yang munasabah dan sebaik saja pembayaran caj yang ditentukan oleh Bank dibuat. Bank boleh, atas budi bicaranya, memusnahkan cek pelanggan dan/atau semua dokumen lain berkaitan dengan akaun selepas tamat tempoh simpanan selama 7 tahun atau tempoh yang diperuntukkan dalam polisi simpanan rekod Bank.

4.1.6 Deposit dan Pengeluaran

- (i) Pemegang Akaun tidak boleh membuat pengeluaran pada bil, draf atau cek belum jelas (sama ada dikeluarkan di Bank atau dihantar untuk kutipan) yang dibayar atau dideposit oleh Pemegang Akaun, sehingga prosid atau makluman pembayaran akhir telah diterima tanpa syarat oleh Bank. Bank berhak mendapat semula daripada Pemegang Akaun, dengan sepenuhnya (dengan mendebit mana-mana akaun Pemegang Akaun atau sebaliknya), sebarang kerugian yang ditanggung akibat tiada pembayaran bil, draf atau cek, atas sebarang sebab. Semua instrumen yang diterima untuk kutipan selepas waktu penjelasan biasa pada mana-mana hari akan dianggap sebagai diterima untuk akaun Pemegang Akaun pada hari perniagaan berikutnya.
- (ii) Pemegang akaun bertanggungjawab untuk mendeposit cek bertarikh semasa sahaja. Bank tidak bertanggungjawab bagi sebarang cek tarikh hadapan yang telah dideposit dan dihantar untuk penjelasan. Caj penalti pada kadar yang ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlaknya akan dikenakan ke atas Pemegang Akaun kerana mendeposit cek tarikh hadapan.
- (iii) Bank tidak akan membayar sebarang cek yang mempunyai kesilapan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada cek tarikh hadapan, cek yang tidak konsisten antara perkataan dan angka, cek yang tulisannya tidak dapat dibaca dan cek lusuh. Kesemua item (kecuali wang tunai yang diterima untuk dikreditkan ke dalam EA adalah bergantung kepada kutipan. Bank akan mendebitkan EA sekiranya cek-cek atau lain-lain item dikreditkan ke dalam akaun yang tidak dibayar dikembalikan, dan jumlahnya tidak diterima oleh Bank dalam jangka masa kutipan yang ditetapkan. Pemegang akaun adalah bertanggungjawab untuk membayar Bank semua caj kutipan ke atas cek dan/atau item tersebut.
- (iv) Pemegang Akaun dikehendaki mematuhi gaya tandatangan yang sama dan/atau cap syarikat seperti spesimen yang didaftarkan di Bank. Sekiranya Pemegang Akaun menukar tandatangan dan/atau cap syarikat, perubahan demikian mesti diberitahu secara bertulis dengan serta-merta kepada Bank.
- (v) Pemegang akaun juga dikehendaki memberitahu Bank secepat mungkin sebarang perubahan dalam nama, alamat, nombor telefon ,atau lain-lain butiran yang direkodkan dengan Bank, secara bertulis dan ditandatangani oleh pemegang akaun atau penandatangan yang dibenarkan.
- (vi) Akaun tidak boleh terlebih keluar kecuali kelulusan Bank diperolehi terlebih dahulu dan tertakluk kepada terma dan/atau caj yang mungkin dikenakan oleh Bank.
- (vii) Pemegang akaun dikehendaki pada setiap masa memastikan dana yang mencukupi didalam akaun untuk tujuan kesemua penjelasan cek dikeluarkan dan peralihan dana ke akaun simpanan istimewa melalui arahan tetap. Bank berhak mengembalikan kesemua cek masuk yang tidak diterima/dikembalikan kepada pemegang akaun jika dana tidak mencukupi tapi tidak terhad kepada kekurangan dana disebabkan pengeluaran oleh pemegang akaun setelah penerimaan dan penjelasan oleh pihak Bank bagi cek masuk belum jelas sebelum bayaran dibuat of Bank bagi cek tersebut.
- (viii) Bank berhak mendebit sebarang jumlah amaun yang tersalah kredit ke dalam akaun Pemegang akaun oleh pihak Bank.

4.1.7 Akaun dibuka di atas dua atau lebih nama perseorangan:

- (i) Semua pemegang akaun bersama bertanggungjawab keatas sebarang baki debit dalam akaun bersama mereka dan liabiliti mereka adalah bersama dan berlainan. Sekiranya berlaku kematian ke atas salah seorang pemegang akaun., sebarang baki yang terdapat dalam kredit akaun bersama akan dibayar kepada penakat, tertakluk kepada pematuhan semua undang-undang, peraturan.dan pengawalan.
- (ii) Cek yang dibayar kepada dua (2) atau lebih penerima secara bersama (contohnya, cek boleh dibayar kepada "A DAN B") mesti didepositkan ke dalam akaun bersama yang ditetapkan sahaja. Cek yang dibayar di anantara salah seorang daripada dua (2) atau salah seorang daripada beberapa orang penerima (contohnya cek yang dibayar kepada "A ATAU B" atau yang dibayar kepada "A DAN/ATAU B) tidak boleh diterima untuk deposit.

4.2 Akaun Simpanan Khas (SSA)

4.2.1 Kelayakan

- (i) Akaun Simpanan Khas ("SSA") yang sedia oleh Bank adalah khas untuk individu atau perseorangan termasuk kakitangan Bank serta syarikat-syarikat yang berkaitan, iaitu pemegang-pemegang akaun EA termaktub kepada terma dan syarat tercatat di sini dan terma-terma yang mentadbir EA dan/atau prosedur dalam Bank.

4.2.2 Pembukaan Akaun

- (i) Pembukaan dan/atau penggunaan atau penyambungan SSA adalah di bawah budi bicara Bank.
- (ii) Penandatanganan berkuasa SSA mesti sama dengan EA.
- (iii) Hanya maksima sepuluh (10) SSA untuk setiap EA.
- (iv) SSA hendaklah dibuka dengan jumlah deposit minima seperti yang dinyatakan oleh Bank dan mempunyai tidak kurang dari jumlah minima yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- (v) Bank akan menentukan baki minima akaun bawah budi bicaranya dari masa ke semasa.
- (vi) Pemegang akaun dibenarkan membuka SSA melalui kaunter atau Perbankan Internet berpandukan terma-terma yang berkenaan dan yang mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa. Pemegang-pemegang akaun dibenarkan menamakan setiap SSAnya dan perseorangan SSA bawah budi bicara Bank.
- (vii) Pemegang akaun mesti memastikan operasi SSA atau mana-mana akaun berkaitan dengan pemegang akaun adalah aktif dan memuaskan dan terma dan syarat kesemua akaun diawasi setiap masa.

4.2.3 Deposit dan Pengeluaran

- (i) Deposit hendaklah dalam bentuk matawang kertas dan syiling yang sah diperlakukan di Malaysia atau dengan cek, draf, kiriman pos dan kiriman wang dan lain-lain instrumen/saluran dibayar kepada semua/satu dari pemegang atau pemegang-pemegang akaun dan yang diterima oleh Bank. Bank tidak berhak untuk menerima deposit dalam bentuk cek pihak ketiga.
- (ii) Kesemua item (kecuali wang tunai) yang diterima untuk dikreditkan ke dalam SSA adalah bergantung kepada kutipan. Bank akan mendebit SSA sekiranya cek-cek atau lain-lain item dikreditkan ke dalam akaun yang tidak dibayar dikembalikan, dan jumlahnya tidak diterima oleh Bank dalam jangkamasa kutipan yang ditetapkan. Pemegang akaun adalah bertanggungjawab untuk membayar Bank semua caj kutipan ke atas cek dan/atau item tersebut.
- (iii) Pemegang akaun mesti melengkapkan dan menandatangani borang pengeluaran, mengemukakan Kad Family First serta pengenalan sah, kecuali urusiaga-urusiaga di mana dijalankan melalui instrumen/saluran bank termasuk instrumen / saluran yang baru.
- (iv) Pemegang akaun tidak dibenarkan membuat pengeluaran kurang dari seRinggit (RM1.00) atau yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa melainkan untuk menutup akaun SSA. Jika kesemua jumlah dikeluarkan, SSA dikira tutup.
- (v) Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang maklumat yang tanpa pengesahan dalam borang/baucer pengeluaran yang ditandatangani oleh pegawai berkuasa dan/atau tidak berlangsung mengikut prosedur dalaman Bank atau garis panduan Bank Negara Malaysia. Pemegang-Pemegang akaun mesti periksa dan berpuas hati dengan maklumat di dalam borang/vaucer pengeluaran adalah betul sebelum tinggalkan premis Bank.
- (vi) Pemegang-Pemegang akaun boleh membuat pengeluaran sehingga had yang diluluskan oleh Bank di mana-mana cawangan Bank seluruh negara tertakluk pada terma dan syarat dan prosedur dalaman yang mentadbir SSA yang mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa dan disertakan dengan bukti identiti yang memuaskan. Bank bawah budi bicaranya mengenakan sebarang yuran dan/atau caj yang perlu dan/atau tambahan atas setiap atau urusiaga antara cawangan.

4.3 Lain-Lain

- 4.3.1 Pemegang-Pemegang akaun perlu melindungi Bank sepenuhnya dari sebarang kos, perbelanjaan, kerugian, tuntutan, kerosakan, atau liabiliti di mana Bank mungkin kenakan sebagai kesudahan sebarang pelanggaran terma atau di sebaliknya berhubung dengan terma dan syarat. Tanpa prejudis kepada perkara-perkara am, indemniti merangkumi faedah, yuran atau jumlah yang dibayar atau berbayar kepada akaun jumlah yang belum dibayar dan kepada kerugian (termasuk kerugian kepada keuntungan), premium, penalti atau perbelanjaan atau jumlah tertunggak atau akan tertunggak di bawah terma yang berkaitan dengan EA, SSA dan/atau akaun (akaun-akaun) yang berkaitan.
- 4.3.2 Sekiranya Akaun Family First dipegang oleh lebih daripada seorang pelanggan, akaun tersebut akan diamanahkan oleh semua pemegang-pemegang akaun tersebut secara bergabung dengan hak yang masih hidup.
- 4.3.3 Bank berhak untuk mendebitkan Akaun Family First melalui suatu kebenaran yang tidak boleh ditukar yang diberi oleh Ahli-Ahli untuk sebarang yuran, komisen atau caj perkhidmatan dikenakan bawah Penyelesaian Family First.
- 4.3.4 Jika EA dan SSA telah tidak aktif selama satu (1) tahun atau lebih ('akaun dormant'), Bank bawah budi bicaranya, caj dan/atau kenakan suatu yuran tahunan atas akaun dormant tersebut seperti dianggap selaras.
- 4.3.5 Akaun dormant dengan baki kredit kurang dari Sepuluh Ringgit Malaysia sahaja (RM10.00) akan ditutup secara automatik bawah budi bicara Bank dan tiada notis akan dihantar kepada pemegang akaun.
- 4.3.6 Faedah bulanan untuk EA & SSA mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa bawah budi bicara Bank.
- 4.3.7 Kadar bonus tahunan SSA hanya akan berkesan sebaik syarat-syarat dipenuhi dan kadar bonus tahunan akan dikira dari bulan ulangtahun pembukaan akaun tertakluk bawah budi bicara Bank.
- 4.3.8 Pemegang akaun dikehendaki memberitahu Bank secepat mungkin sebarang perubahan dalam nama, alamat, nombor telefon, atau lain-lain butiran yang direkodkan dengan Bank, secara bertulis dan ditandatangani oleh pemegang akaun atau penandatanganan yang dibenarkan. Komunikasi yang dikirim kepada alamat terakhir pemegang akaun sebagaimana yang telah diberitahu kepada Bank, disahkan sebagai diterima pemegang akaun.

- 4.3.9 Sekiranya EA dan SSA ditutup dalam tiga (3) bulan selepas akaun tersebut dibuka, suatu caj perkhidmatan akan dikenakan atas akaun tersebut dengan kadar yang ditentukan oleh Bank bawah budi bicara Bank.
- 4.3.10 Bank berhak untuk mendebitkan sebarang jumlah yang bukan milik pemegang akaun iaitu tersalah kredit ke dalam akaun oleh Bank.
- 4.3.11 Peraturan dan Undang-Undang Badan Kawal Selia
(i) Pembukaan dan operasi EA juga tertakluk kepada praktik-praktik perbankan dan undang-undang Malaysia, Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Bank-Bank di Malaysia serta undang-undang dan peraturan-peraturan pertubuhan-pertubuhan peraturan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.
- 4.3.12 Hak untuk menukar peraturan
(i) Undang-Undang tersebut tertakluk kepada kajian, ulangkaji, penambahan, perubahan, variasi, dan ubahsuaian oleh Bank bawah budi bicaranya tanpa notis kepada pemegang-pemegang akaun.
- 4.3.13 Hak untuk bergabung, penukaran atau pemindah
(i) Bank bolehlah pada bila-bila masa tanpa notis tanpa mengambilkira mana-mana penyelesaian akaun atau perkara-perkara lain, mencantumkan atau menggabungkan kesemua atau salah satu deposit-deposit yang telah sedia ada atau akaun-akaun yang telah dibuka di atas nama pemegang-pemegang akaun (dalam apa jua bentuk dan samasa tertakluk kepada pemberian notis atau tidak) dan menolak atau memindah dari mana-mana jumlah boleh kredit salah satu atau lebih akaun-akaun tersebut dimana jua ia berada dalam atau terhadap penyelesaian mana tanggungan pemegang-pemegang akaun kepada Bank terhadap akaun-akaun lain atau mana-mana yang berkaitan dalam apa jua cara, samada tanggungan-tanggungan tersebut adalah pada masa sekarang atau masa hadapan, tetap atau berubah utama atau dijamin dan secara bersejajar dan berasingan dan apabila percantuman, penolakan atau pemindahan memerlukan pertukaran matawang asing kepada yang satu lagi, pertukaran tersebut hendaklah dikira pada pasaran matawang asing tersebut sebagaimana yang ditentukan oleh Bank sebagai berkaitan pada tarikh percantuman, penolakan atau pemindahan tersebut.
- 4.3.14 Mematuhi Peraturan
(i) Pemegang-Pemegang akaun bersetuju bahawa operasi EA tertakluk kepada undang-undang yang tersebut dan Bank tidak akan bertanggung atas sebarang kerugian yang dikenakan oleh pemegang-pemegang akaun yang disebabkan oleh kegagalan pemegang akaun untuk mematuhi undang-undang dan mengamalkan kejagaan apabila pengendalian dan penggunaan cek-cek dan pelaksanaan akaun secara umum. Bank berhak untuk mengubah undang-undang dan notis kepada pemegang-pemegang akaun seperti yang diperlukan dari masa ke semasa bawah budi bicara Bank.
- 4.3.15 Akaun Tergantung
(i) Sebarang wang diterima di sini mungkin diletak dan disimpan demi mengkreditkan suatu akaun tergantung tanpa faedah selagi Bank berpendapat ianya bersesuaian tanpa sebarang tanggungjawab buat seketika bagi melaksanakan yang sama atau sebahagian untuk pengeluaran wang atau liabiliti yang ditanggung oleh pemegang akaun. Tidak mengira pembayaran semasa analogi prosiding sehingga kebankrapan komposisi pelikuidasi atau penyelesaian yang dipersetujui Bank mungkin membuktikan atau bersetuju untuk menerima dividen atau komposisi kesemua atau sebahagian wang dan liabiliti sebagaimana sekuriti (jikaada) masih belum diwujudkan.

- 5.1 Kad Family First akan diberikan dengan pembukaan EA tertakluk pada kesediaan stok dan seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa seperti dianggap selaras. Untuk keahlian gabungan, pemegang akaun utama serta ahli-ahli gabungan yang lain akan diberi kad Family First berasingan.
- 5.2 Bank akan mengeluarkan PIN atau kata laluan atau Kod Sekuriti lain yang berkenaan atau (mana-mana yang berkenaan) kepada Ahli-Ahli untuk mengaktifkan penggunaan Kad Family First untuk urusan-urusan perbankan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang tersedia di bawah keahlian. Untuk Ahli-Ahli gabungan, setiap Ahli akan terima PIN atau kata laluan individu atau Kod Sekuriti lain yang berkenaan.
- 5.3 Setiap ahli akan diberikan kad (PMPC) dengan kemudahan ATM.
- 5.4 Kad ini adalah identiti untuk ahli menikmati keistimewaan yang ditawarkan oleh Bank and mestilah ditunjukkan semasa membuat pembelian di rakan perniagaan dibawah Penyelesaian Family First.
- 5.5 Pemegang akaun akan di caj yuran perkhidmatan bergantung kepada pihak Bank dari masa ke masa untuk setiap kad baru dikeluarkan demi menggantikan yang hilang, dicuri, rosak atau salah letak. Bila EA ditutup atau Kad rosak, Kad mestilah di serahkan kepada pihak Bank untuk pembatalan sebelum kad baru dikeluarkan untuk penggantian.
- 5.6 Penggunaan kad adalah di tadbirkan oleh Bank mengikut terma dan syarat ATM and lain lain undang -undang dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Bank dari masa ke masa.
- 5.7 Kad ada hak milik Bank pada setiap masa dan mestilah di pulangkan kembali ke Bank atas permintaan.
- 5.8 Kad tidak boleh di pindahtamlik atau diamanahkan ke mana mana pihak ketiga.
- 5.9 Pemegang akaun mesti menyimpan dengan selamat kad. Jika Kad hilang, dicuri, rosak atau salah letak, pemegang akaun mestilah melaporkannya kepada Bank dengan laporan bertulis. Bank akan menggantikan Kad atas budi bicara

setelah mendapatkan penjelasan yang memuaskan dan pampasan diberikan dalam bentuk yang diterima oleh Bank. Bank tidak akan menanggung sebarang kerugian yang disebabkan oleh salahguna kad yang telah hilang, dicuri, musnah oleh mana mana pihak.

6. Penyata Akaun

- 6.1 Penyata akaun akan di keluarkan setiap kaunter atau lain jangka masa yang ditentukan oleh pihak Bank atau budi bicara pihak Bank. Bank berhak mengenakan bayaran kepada penyata dan kadar bayaran akan ditentukan oleh bank dari masa ke masa.
- 6.2 Penyata akaun untuk Family First akaun diberikan kepada ahli secara eksklusif melalui perbankkan dalam talian 2 suku tahun e-penyata yang mengandungi terperinci transaksi dan/atau mana -mana maklumat yang disediakan oleh bank dari masa ke masa atas budi bicara. Pemegang akaun boleh melihat dan/atau mencetak penyata bergantung kepada adanya atau penyambungan data dan/atau sambungan dalam talian dan/atau apa-apa sistem berkaitan yang diberikan oleh Bank dan/atau syarikat berkaitan dimana e-penyata boleh didapati secara online.
- 6.3 Rekod transaksi bank untuk akaun ahli dengan Bank adalah muktamad, muktahir untuk akaun ahli untuk sebarang tujuan jika tiada sebarang kesilapan.
- 6.4 Penyata akaun boleh diminta bila-bila masa di mana Ringgit Malaysia Dua Puluh ringgit atau satu kadar yang ditentukan oleh bank dari masa ke semasa akan di kenakan kepada ahli untuk setiap permintaan.
- 6.5 Penyata bercetak akan diposkan setiap suku tahun kepada pemegang akaun setelah permintaan dibuat dari juruwang di kaunter bergantung kepada kadar yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa.
- 6.6 Ahli bersetuju untuk memberitahu bank akan sebarang kesilapan, ketidakselarasan, percanggahan, tuntutan atau urusan tidak diluluskan debit atau kredit yang di tunjukkan dalam penyata akaun dan/atau e-penyata dalam masa 14 hari dari tarikh penyata dan/atau e-penyata. Ahli juga bersetuju Bank rekod dan penyata akaun dan/atau e-penyata adalah muktamad untuk transaksi dan baki dalam akaun dan pemegang akaun menerima semua perkara didalam penyata akaun dan/atau e-penyata adalah benar dan tepat dalam semua aspek. Sebarang perubahan penyata akaun dan/atau e-penyata adalah hak mutlak pihak Bank.
- 6.7 Bank akan melihat akaun berkaitan untuk membuat sebarang perubahan dan pembetulan (jika ada) setelah menerima notis dari Ahli dalam masa yang ditetapkan. Selepas itu sebarang jumlah wang dihutang atau dari Ahli akan di kreditkan atau didebitkan dari akaun berkaitan atau akaun. Tanpa mengira penerimaan penyata atau rekod dari Ahli, bank berhak menarik balik sebarang urusan berkaitan pada bila-bila masa jika urusan salah dibuat.

7. Penamatan

- 7.1 Pihak bank boleh, pada bila-bila masa, atas budi bicara menggantung atau menamatkan keahlian Penyelesaian Family First dengan sebarang alasan tanpa memberikan sebarang alasan dengan memberikan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari notis bertulis kepada ahli.
- 7.2 Bergantung kepada budi bicara, Bank boleh menggantung atau menamatkan keahlian dan semua Family First akaun dan kad yang dikeluarkan (jika ada) jika:
 - (i) Ahli atau dalam kes Ahli bersama, mana-mana ahli menutup EA dengan Bank, dan membatalkan semua kemudahan dengan Bank, atau
 - (ii) Kematian Ahli utama, menjadi mufils atau bankrup; atau
 - (iii) Ahli atau dalam kes Ahli bersama, mana -mana ahli melanggar sebarang terma dan syarat berkaitan produk, servis dan pelaburan dan terma dan syarat kemudahan istimewa; atau
 - (iv) Ahli atau dalam kes Ahli bersama, mana -mana ahli melanggar sebarang perjanjian sama ada berkaitan atau tidak dengan kemudahan kredit dengan bank atau lain-lain badan kewangan
 - (v) Ahli atau dalam kes Ahli Bersama, mana -mana ahli.
- 7.3 Pihak Bank berhak, atas budi bicara untuk menamatkan semua atau sebahagian daripada faedah ahli seperti yang ditetapkan disini pada sebarang masa dan atas sebarang alasan yang dianggap munasabah.

8. Force Majeure

- 8.1 Jika atas mana-mana perkara yang disebabkan oleh "force majeure" mana pihak didalam terma ini boleh melambatkan atau menghalangnya menyempurnakan sebarang perkara dari terma dan syarat yang disebut, maka kelambatan atau kegagalan itu tidak boleh di maksudkan pelanggaran terma dan syarat dan tiada kerugian atau kerosakan boleh di tuntutan oleh mana-mana pihak terlibat dari sebarang sebab yang disebut.
- 8.2 Jika pelaksanaan hak dan tanggungjawab dibawah terma dan syarat yang dinyatakan tidak dapat dilaksanakan, gangguan atau halangan dengan sebarang sebab "force majeure" maka kewajipan pihak akan digantung semasa ia dinyatakan tidak dapat dilaksanakan, gangguan atau halangan yang disebabkan oleh perkara atau perkara berkaitan dan mestilah ditanggihkan untuk satu masa yang sama dengan masa atau beberapa masa yang digantung dan pihak tersebut akan secara terbaik akan merendahkan dan mengurangkan sebarang masa penggantungan yang disebabkan oleh perkara-perkara yang telah dinyatakan.

9. Indemniti

- 9.1 Ahli disini bersetuju, setuju secara bertulis dan akan menanggung penuh kerugian and memastikan Bank dari sebarang tuntutan rugi atau kerosakan (termasuk kos undang-undang antara pembela dan anak guam) yang telah dipersetujui diperakui oleh Bank yang telah berlaku dan ditanggung oleh bank atas sebab ketidak perhatian atau tidak dilaksanakan, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh Ahli oleh mana-mana kewajipan, perjanjian, setuju secara bertulis, perkara yang perlu dilakukan sebagai Ahli seperti didalam terma yang di sediakan atau dalam tujuan Penyelesaian Family First atau hasil dari akaun palsu, dokumen palsu atau sebarang perbuatan pemalsuan/sengaja tidak memasukkan atau sebarang salahafsir dibuat oleh Ahli dari Penyelesaian Family First.

10 Kebolehasingan

- 10.1 Setiap peruntukan disini adalah boleh diasingkan dan berasingan dari lain dan jika pada bila-bila masa satu atau lebih peruntukan telah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa jua keadaan di bawah apa-apa undang-undang, maka kesahihan, kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas atau rosak dalam apa jua cara sekalipun.

11 Variasi (perbezaan) atau pindaan

- 11.1 Pihak bank mempunyai hak untuk manambah, membuang atau meminda sebarang bentuk undang-undang dan peraturan dan peraturan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa. Sebarang pindaan yang dibuat untuk diambil tindakan secara serta merta dari tarikh notis telah dihantar kepada pemegang akaun atau selepas ditunjuk atau dipamer di mana-mana cawangan Bank seluruh Negara.
- 11.2 Ianya disini secara terang dipersetujui dan diumumkan dari pihak-pihak terbabit bahawa meskipun sebarang dari proviso atau peruntukan tersebut bertentangan, proviso-proviso dan terma-terma terbabit boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa di variasi atau dipinda atas budibicara Bank sepenuhnya dan sesungguhnya pindaan atau variasi tersebut memang patut untuk diadakan pindaan atau variasi secara sepatutnya dan sepatutnya dibaca dan ditafsir seolah-olah pindaan dan variasi tersebut telah dimasukkan atau digabungkan dan telah dibentuk sebagai sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat.

12 Tiada-pengecualian

- 12.1 Tiada kegagalan atau kelambatan oleh mana-mana pihak dalam menggunakan sebarang kuasa atau hak; patut mengandungi atau beroperasi sebagai pengecualian atau juga sepatutnya sebarang pelaksanaan secara separa atau sepenuhnya atas sebarang hak atau kuasa menahan mana-mana lain atau sebarang pelaksanaan selanjutnya itu atau pelaksanaan sebarang hak atau kuasa itu yang selainnya. Selanjutnya, tiada pengecualian daripada sebarang pihak tersebut yang mana hak mereka di bawah atau dalam hubungan dengan terma dan syarat ini atau apa-apa kemungkinan daripada mana-mana pihak itu di dalam pelaksanaan secara terang atau terselindung atau pematuhan kepada apa-apa proviso akan menjadi efektif melainkan terdapat dalam bentuk tulisan secara bertandatangan daripada pihak yang membuat atau memberi pengecualian dan hanya akan menjadi efektif dalam contoh tersebut dan untuk tujuan yang mana ianya telah diberi, dan tidak boleh memprejudis atau merosakkan hak pihak tersebut dalam hal apa-apa kemungkinan selanjutnya untuk proviso yang sama atau dalam hal mana-mana kemungkinan untuk proviso.

13 Arahan daripada Ahli

- 13.1 Pihak Bank akan menjadi berhak untuk bergantung kepada dan bertindak atas arahan Ahli, samada secara lisan atau bertulis dan samada diberitahu secara telefon, pos, transmisi faksimili atau apa-apa perhubungan elektronik yang lain. Tanpa sebarang prejudis kepada apa-apa proviso secara umum dalam terma dan syarat ini, pihak Bank akan menjadi layak untuk bertindak untuk apa-apa arahan atau notis daripada ahli sebagaimana yang diberi mandate kepada Akaun Pertama Keluarga, samada atau tidak bergantung pada tandatangan yang terdapat pada simpanan Bank, atas rujukan untuk nama dan tandatangan yang telah difaillkan kepada Bank untuk ditandatangani oleh:-

- (i) Ahli; atau
- (ii) Mana-mana pihak yang dibenarkan oleh Ahli untuk mengeluarkan apa-apa notis atau apa-apa arahan atas pihak Ahli;

tanpa pertanyaan dalam pihak Bank yang mana identiti orang yang memberi atau bertujuan untuk memberi sebarang notis atau arahan atau atas sebarang kebenaran untuk notis atau arahan tersebut meskipun ianya secara kemudiannya telah dipertunjukkan bahawa perkara yang sama tidak diberi oleh atau atas pihak Ahli. Hak bank dibawah terma-terma dan syarat-syarat ini tidak boleh dijejaskan oleh apa-apa salahguna atau tanpa kebenaran dalam komunikasi tersebut. Risiko atas notis-notis atau arahan-arahan yang telah diberi dari pihak-pihak yang tidak dibenarkan, sebarang salah faham atau sebarang kesilapan, kerugian atau kelambatan yang disebabkan oleh penggunaan telefon, servis pos, transmisi faksimili atau apa-apa jenis hubungan elektronik lain adalah sepenuhnya atas tanggungan risiko Ahli dan Ahli harus beri jaminan ganti rugi kepada Bank untuk keseluruhan kehilangan, gantirugi, tuntutan, permintaan, kos dan semua liabiliti yang lain yang mana ia boleh menyebabkan atau menanggung atas akibat kepada kesan daripada penerimaan dan bertindak untuk arahan tersebut.

- 13.2 Pihak bank boleh membuat tanggungan ke atas akaun atau akaun-akaun dibawah keahlian sehingga pihak Bank menerima arahan bertulis daripada semua pemegang akaun yang mana pihak Bank merasakan atau mempunyai sepenuhnya pendapat bahawa terdapat autoriti perundangan untuk memberi arahan-arahan kepada akaun tersebut atau menutup akaun itu dalam hal-hal tersebut:-

- (i) sekiranya terdapat apa-apa arahan atau perubahan kepada arahan atau pembatalan arahan yang telah diterima oleh Bank, autoriti yang mana pihak bank dalam keraguan yang munasabah; atau
- (ii) yang mana terdapat perubahan-perubahan nama Ahli samada disebabkan persaraan, ketidakmampuan, bankrap atau sebagainya;
- (iii) yang mana dalam pendapat sepenuhnya pihak Bank terdapat pertikaian dalam hal kepada mana-mana akaun dibawah Keahlian.

14 Notis-notis

- 14.1 Apa-apa notis atau permintaan yang telah diminta atau dibenarkan untuk diberi atau dibuat dibawah terma-terma dan syarat-syarat kepada pihak Bank atau kepada Ahli harus dalam bentuk tulisan dan dalam hal pihak Bank harus menjadi dibawah tanggungjawab mana-mana pegawai yang disahkan oleh pihak Bank yang perlu dihantar secara kediri atau dihantar dengan pos biasa atau berdaftar atau dengan cara telex atau faksimili kepada alamat atau alamat-alamat yang telah dinyatakan dibawah pihak yang selain dan/atau alamat-alamat yang lain sebagaimana yang telah diberitahu kepada Bank oleh pihak yang satu lagi dari semasa ke semasa dan haruslah untuk diserahkan:-

- (i) sekiranya ianya dihantar secara serahan kediri, pada waktu pengesahan semasa penyerahan Kediri tersebut dilakukan;
- (ii) sekiranya ianya dihantar secara pos, ianya harus diserahkan pada dan ketika menerimanya oleh pihak yang satu lagi 48 jam selepas pos dilakukan;
- (iii) sekiranya ianya dihantar secara telex atau faksimili, sebaik sahaja selepas transmisi tersebut sekiranya tarikh transmisi ialah pada Hari Bekerja, dan sekiranya pada tarikh tersebut ialah bukan Hari Bekerja, jadi notis melalui telex atau faksimili tersebut mestilah diserahkan pada Hari Bekerja yang berikutnya.

15 Serahan Proses Perundangan

- 15.1 Dalam hal prosiding perundangan adalah dilakukan oleh pihak Bank terhadap Ahli atau oleh mana-mana pihak yang lain dalam terma-terma dan syarat-syarat tersebut, proses awalan haruslah untuk diserahkan kepada Ahli dan/atau mana-mana pihak yang lain:-
- (i) sekiranya proses awalan tersebut dihantar melalui secara serahan Kediri, salinan proses awalan tersebut mestilah disimpan pada alamat Bank terbabit atau pihak terbabit yang lain atau pada waktu alamat tersebut sebagaimana pihak Bank dan/atau mana-mana pihak lain boleh menyatakan pada Bank dengan cara pos AR berdaftar dari semasa ke semasa di mana alamat tersebut mestilah berada di Malaysia;
 - (ii) sekiranya proses awalan tersebut dihantar melalui pos berdaftar secara prabayar (bukan Pos AR Berdaftar), pada hari kelima (tidak termasuk pada hari pengeposan) daripada tarikh proses awalan telah diletakkan untuk pos yang telah dialamatkan kepada Bank atau pihak yang satu lagi pada alamat Bank tersebut atau pihak yang satu lagi telah menyatakan atau pada alamat yang lain sebagaimana Bank atau pihak yang satu lagi boleh memberitahu dengan cara Pos AR Berdaftar dari semasa ke semasa yang mana alamat itu mestilah di dalam Malaysia dan tiada perkara dibuat berbangkit daripada klausa kecil (b) patut berkuatakuasa atau diprejudis oleh mana-mana perubahan kemudian pada alamat servis yang mana pihak Bank tidak mempunyai pengetahuan penuh pada waktu tindakan atau perkara tersebut telah dibuat atau dilaksanakan.

KECUALI SENTIASA bahawa pihak Bank hanya boleh mendapat pengesahan daripada Ahli atau daripada mana-mana perubahan alamat pihak sekiranya Bank telah menerima dan mengetahui bahawa notis terhadap perubahan itu telah dihantar oleh Ahli atau pihak yang lain.

16 Penugasan

- 16.1 Ahli tidak boleh menugaskan dan atau memindahkan apa-apa daripada haknya, faedahnya dan/atau kewajipan-kewajipan dibawah perjanjian ini secara menyeluruh mahupun sebahagian tanpa kebenaran pihak Bank.

17 Pemberitahuan Kepada Bank Negara

- 17.1 Ahli dengan ini bersetuju dan memberi kuasa berkaitan kesemua maklumat yang berkaitan dengan Penyelesaian Family First dan/atau Akaun Family First yang diberikan kepada dia/mereka yang mana akan diserahkan kepada mana-mana biro ataupun agensi-agensi berkecualan atau yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) termasuk Sistem Maklumat Pinjaman Peminjam, DCHEQS, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, (CCRIS) dan badan-badan selain atau pertubuhan-pertubuhan yang mana hal mungkin untuk tujuan memperoleh maklumat daripada institusi-institusi kewangan berkenaan Penyelesaian Family First dan/atau Akaun Family First telah diberi atau akaun-akaun yang diselenggara oleh intitusi kewangan tersebut.
- 17.2 Ahli kemudiannya bersetuju bahawa bank tidak boleh dalam hal untuk boleh disabitkan atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan atau apa-apa liabiliti yang berbangkit samada didalam kontrak, tort, kecuaiian, tanggungan keras atau apa-apa juga tuntutan (termasuk secara nyata atau tidak nyata, istimewa, sampingan, berakibat atau kerosakan bertujuan menghukum atau kerugian keuntungan atau simpanan) yang berbangkit daripada apa-apa ketidak tepatan atau kerugian, pembuangan atau pengubahsuaian data atau untuk apa-apa sebab berkenaan dengan informasi yang telah di hadapankan oleh pihak Bank sebagaimana dinyatakan kepada mana-mana biro ditubuhkan oleh BNM termasuk DCHEQS dan CCRIS atau badan-badan biro atau pertubuhan dalam hal mungkin atau dalam hal untuk apa-apa akses atau kegunaan, atau ketidakmampuan untuk akses atau kegunaan dari apa-apa badan, biro atau pertubuhan ditubuhkan BNM atau bergantung atas informasi terkandung, samada disebabkan secara teknikal, kegagalan peralatan atau perisian, kemasuk campuran, gagal, kesalahan, kelambatan, virus atau apa-apa sepeertinya.

18 Lain-lain

- 18.1 Ahli tidak boleh dibatalkan persetujuan dan memberi kebenaran sepenuhnya kepada Bank bagi menjalankan semakan dan mengesahkan informasi yang telah diberikan oleh Ahli kepada bank dengan mana-mana pihak (termasuk tanpa sebarang had dengan mana-mana biro kewangan, organisasi atau pertubuhan yang di tubuhkan untuk tujuan mengumpul dan menyediakan pinjaman atau apa-apa maklumat) berkait dengan Ahli.
- 18.2 Semua notis atau komunikasi dibawah atau berhubung dengan terma dan syarat terdapat dalam bahasa Inggeris atau, jika didalam bahasa lain, di lampirkan bersama terjemahan kepada Inggeris. Sekiranya terdapat perbezaan pentafsiran antara bahasa Inggeris dan mana-mana bahasa, maka versi Bahasa Inggeris adalah diguna pakai.

19 Berkaitan Undang-undang

- 19.1 Terma-Terma di sini adalah ditadbirkan oleh dan akan ditafsir berpandukan dengan undang-undang Malaysia dan hanya mahkamah-mahkamah Malaysia mempunyai kuasa untuk membicarakan sebarang perkara yang berhubung dengan terma dan syarat.